

LEBIH 8,900 UNIT KEDIAMAN PR1MA AKAN DISIAPKAN MENJELANG AKHIR TAHUN 2024

PORT DICKSON, 7 DISEMBER – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), meneruskan komitmennya kepada Rakyat Malaysia dengan jangkauan menyiapkan lebih daripada 8,900 unit rumah menjelang akhir tahun 2024. PR1MA turut mencatat kejayaan dengan menjual lebih daripada 1,900 unit rumah, yang bernilai RM810 juta. Pencapaian ini bukan sahaja meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan kumpulan M40, tetapi juga memperkukuh aliran kewangan PR1MA.

“Lebih 8,900 unit kediaman akan disiapkan dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) menjelang penghujung tahun ini. Jumlah ini meliputi **enam (6) projek yang telah siap iaitu Residensi Port Dickson di Negeri Sembilan, Residensi Larkin Indah di Johor, Residensi Brickfields di Kuala Lumpur, Residensi Melaka Tengah 2 di Melaka, Residensi Nexus Kajang di Selangor, Residensi Bukit Gelugor di Pulau Pinang dan beberapa lagi projek yang bakal disiapkan**”, kata YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ketika Majlis Penyerahan Kunci Residensi Port Dickson bersempena Program Sentuhan Kejayaan KPKT 2024.

Di samping membina kediaman berkualiti tinggi, PR1MA juga menyokong Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Residensi Rakyat (PRR) dengan memberi **perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan kepada 2,906 rumah, serta memastikan 12,464 unit rumah tersedia dengan Internet, melalui anak syarikatnya PR1MA Facilities Management Sdn Bhd (PFMSB) dan PR1MA Communication Sdn Bhd (PCSB)** sebagai usaha untuk memastikan rakyat Malaysia memiliki kediaman yang moden dan holistik.

“Kejayaan PR1MA pada tahun 2024 bukan sahaja menjadi bukti komitmen bersama KPKT dalam membina kediaman berkualiti tinggi dan membangunkan komuniti lestari, ia juga merupakan pemangkin semangat untuk terus menggalas mandat ini serta mencipta pelbagai inisiatif dan inovasi ke arah memperkasakan pemilikan kediaman di kalangan rakyat Malaysia. **PR1MA telah merangka beberapa Teras Pembangunan Strategik, yang akan menyaksikan PR1MA membangun lebih daripada 37,000 unit kediaman untuk rakyat Malaysia menjelang 2029**”, tambah YB Tuan Nga Kor Ming.

Teras Pembangunan Strategik ini terdiri daripada pelbagai inisiatif untuk menyediakan kediaman dan komuniti yang holistik dan moden, termasuk pembinaan projek PR1MA Homes yang baharu di seluruh Malaysia, pembangunan PRR Bestari Jaya MADANI untuk golongan B40, dan pembangunan Bandar PR1MA di Teluk Intan, Perak dan Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Bandar PR1MA ialah sebuah inisiatif PR1MA yang mengintegrasikan elemen yang moden, mesra alam, dan lestari untuk mewujudkan sebuah komuniti yang holistik dan harmoni, serta dilengkapi dengan kemudahan yang dapat mengukuhkan hubungan komuniti antara penduduk.

“PR1MA merakamkan sekalung penghargaan terhadap KPKT, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, serta pihak-pihak terlibat seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Khusus untuk Negeri Sembilan, terima kasih juga kami ucapkan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) atas kerjasama dalam usaha PR1MA menyiapkan Residensi Port Dickson ini. Besar harapan kami agar kerjasama ini diteruskan bagi projek-projek lain di Negeri Sembilan dan seluruh negara”, kata Datuk Azrulnizam Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA ketika majlis tersebut.

Dalam majlis yang sama, sebanyak 20 orang pembeli menerima kunci kediaman mereka hari ini semasa Majlis Penyerahan Kunci bagi Residensi Port Dickson. Projek ini merangkumi 659 unit rumah teres, yang telah siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada Mei 2024. Pembangunan projek ini, yang pada awalnya dikategorikan sebagai projek sakit berjaya dipulihkan menerusi lantikan kontraktor penyelamat iaitu Vertex Central Industries Sdn Bhd. Ia merupakan antara terjemahan komitmen PR1MA untuk menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik kepada rakyat Malaysia.

Di samping meraih skor Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) sebanyak 79%, Residensi Port Dickson juga telah diiktiraf dengan memenangi anugerah daripada The Edge Property Excellence Awards 2024 dengan menerima Pengiktirafan Khas (**Special Mention**) dalam kategori **Affordable Urban Housing Excellence Award**. Antara Residensi PR1MA lain yang turut memenangi anugerah yang sama adalah Residensi Bintang Riverfront, Sarawak dan Residensi Pauh Permai, Pulau Pinang.

Setakat November 2024, PR1MA mempunyai 89 projek, bersamaan 54,660 unit di seluruh Malaysia yang berada dalam pelbagai fasa pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek, yang terdiri daripada 41,321 unit telah berjaya disiapkan, manakala 28 projek yang terdiri daripada 13,339 unit masih dalam fasa pembinaan dan perancangan. PR1MA akan terus komited kepada misi kami untuk

menyediakan rumah berkualiti tinggi kepada seluruh Rakyat Malaysia pada tahun akan datang.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)